

Bil. S 39

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL, 2005**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**SIJIL HALAL**

3. Sijil Halal.
4. Permohonan dan kehendak-kehendak pengeluaran sijil.
5. Majlis boleh menghendaki pemeriksaan dan analisa.
6. Pengeluaran sijil.
7. Pembaharuan sijil.
8. Mempamerkan sijil.

**BAHAGIAN III**

**LABEL HALAL**

9. Label Halal.
10. Permohonan dan kehendak-kehendak permit.
11. Majlis boleh menghendaki pemeriksaan dan analisa.

12. Permit.

#### **BAHAGIAN IV**

##### **JAWATANKUASA PEMERIKSAAN DAN PEMERIKSA**

13. Jawatankuasa Pemeriksaan.
14. Ahli-ahli Jawatankuasa.
15. Mesyuarat Jawatankuasa.
16. Jawatankuasa hendaklah memerintahkan pemeriksaan dan analisa.
17. Jawatankuasa boleh menghendaki supaya maklumat diberikan.
18. Lantikan pemeriksa.
19. Kuasa-kuasa pemeriksa.
20. Memasuki dll. bagi pemeriksaan.
21. Kad kuasa.
22. Kos dan perbelanjaan.
23. Laporan pemeriksa.
24. Laporan Jawatankuasa.

#### **BAHAGIAN V**

##### **PENGUATKUASAAN**

25. Pegawai penguatkuasaan.
26. Kuasa untuk memasuki, merampas dll.
27. Kuasa untuk menangkap dan menyiasat.
28. Pemeriksaan.
29. Apa-apa jua yang dirampas boleh dilucutkan.
30. Perintah perlucutan hak.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

31. Mahkamah boleh memerintahkan pelupusan makanan yang dirampas.
32. Apa-apa jua yang dirampas yang berkaitan dengannya tiada pendakwaan dimulakan hendaklah dilucutuhak jika tidak dituntut dalam masa satu bulan.
33. Batasan liabiliti.

### **BAHAGIAN VI**

#### **KESALAHAN-KESALAHAN**

34. Pengasingan makanan.
35. Mempamerkan sijil yang telah tamat tempohnya.
36. Menghalang dll. pegawai penguatkuasaan.
37. Kegagalan mematuhi perintah dll.
38. Pemberian maklumat.
39. Sijil dan permit tidak boleh diubah.
40. Hukuman am.
41. Kesalahan yang dilakukan oleh perkongsian, badan korporat dan ejen dan pekerja.

### **BAHAGIAN VII**

#### **AM**

42. Kuasa Majlis untuk membatalkan.
43. Perubahan menghendaki kebenaran.
44. Perubahan nama perniagaan dll.
45. Perubahan butir-butir sijil.
46. Penggantian sijil yang telah hilang atau cacat.
47. Rayuan terhadap penggantungan atau pembatalan.
48. Kumpulanwang Wakaf Am.

49. Penyampaian notis dan dokumen lain.
50. Pindaan Jadual.
51. Peraturan-peraturan.

<b>JADUAL PERTAMA</b>	—	<b>SIJIL HALAL</b>
<b>JADUAL KEDUA</b>	—	<b>LABEL HALAL</b>
<b>JADUAL KETIGA</b>	—	<b>PERMIT</b>
<b>JADUAL KEEMPAT</b>	—	<b>BAYARAN</b>

---

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL, 2005**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi dan mengawalselia pengeluaran sijil dan permit berkaitan dengan makanan halal dan bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya".

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"sijil" bermakna Sijil Halal yang dikeluarkan di bawah ceraian (1) bab 6;

"pemegang sijil" bermakna pemegang suatu sijil;

"Ketua Pemeriksa" bermakna mana-mana orang yang dilantik di bawah bab 18 untuk menjadi Ketua Pemeriksa;

"Jawatankuasa" bermakna Jawatankuasa Pemeriksaan Sijil Halal dan Label Halal yang ditubuhkan di bawah bab 13;

"makanan" termasuk bahan kunyah, ubat dan apa-apa bahan yang disediakan, dijual, diedarkan atau dinyata untuk kegunaan, bagi makanan manusia dan sebarang ramuannya;

"*Hukum Syara'* " bermakna Undang-Undang Islam mengikut Mazhab Syafie atau mana-mana mazhab lain yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam;

"ramuan" termasuk ramuan dari suatu ramuan;

"label" bermakna Label Halal yang disebut dalam bab 9;

"Majlis" bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77);

"Menteri" bermakna Menteri Hal Ehwal Ugama;

"bungkusan" termasuk apa-apa jua yang di dalamnya atau apa-apa cara yang dengannya sebarang makanan seluruhnya atau sebahagiannya disarung, dibalut, ditutup, diisi, diletakkan atau pun dengan cara lain dibungkus dan termasuk suatu bakul, baldi, botol, dulang atau bekas apa pun jenisnya, sama ada terbuka atau tertutup;

"permit" bermakna suatu permit yang dikeluarkan di bawah Perintah ini;

"pemegang permit" bermakna pemegang suatu permit;

"tempat" bermakna mana-mana premis, bangunan, bilik, binaan dan mana-mana kawasan tertentu atau tertutup atau struktur lain, sama ada kekal atau pun selainnya, dan termasuk sesebuah kenderaan;

"tempat perniagaan" bermakna mana-mana tempat di mana perdagangan dijalankan dan termasuk —

(a) mana-mana tempat untuk mempamerkan, menyimpan atau membungkus, makanan, sama ada masak atau tidak, yang dimaksudkan untuk makanan manusia, dengan cara perdagangan atau bagi maksud-maksud untuk mendapatkan keuntungan atau pengedaran;

(b) mana-mana tempat di mana, atau yang di dalam kawasan atau lingkungannya, sebarang kerja kasar dijalankan atau sebarang loji atau jentera dikendalikan, bagi menyediakan atau mengilang makanan, dengan cara perdagangan atau bagi maksud-maksud untuk mendapatkan keuntungan atau pengedaran;

"menyediakan" termasuk mengilang, memproses dan sebarang bentuk rawatan;

"bahan" termasuk cecair;

"kenderaan" termasuk treler, vesel, pesawat terbang dan basikal.

## BAHAGIAN II

### SIJIL HALAL

#### Sijil Halal.

3. Apabila dipamerkan di mana-mana tempat perniagaan, sijil hendaklah bermakna bahawa makanan yang berkenaan dengannya sijil itu merujuk —

(a) bukan merupakan dan juga tidak terdiri daripada atau mengandungi mana-mana bahagian atau bahan dari binatang yang dilarang oleh *Hukum Syara'* untuk dimakan oleh orang Islam atau yang tidak disembelih menurut *Hukum Syara'*;

(b) tidak mengandungi apa-apa jua yang dianggap najis menurut *Hukum Syara'*;

(c) telah disediakan dengan menggunakan suatu alatan yang bebas dari apa-apa jua yang dianggap najis menurut *Hukum Syara'*;

(d) semasa menyediakan atau menyimpan, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan sebarang makanan yang gagal mematuhi perenggan (a), (b) atau (c) dan apa-apa jua yang dianggap najis menurut *Hukum Syara'*.

#### Permohonan dan kehendak-kehendak pengeluaran sijil.

4. (1) Bagi maksud-maksud bab 3, mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan boleh memohon kepada Majlis bagi mendapatkan suatu sijil dalam borang dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

(2) Pemohon adalah dikehendaki untuk membuat satu permohonan bagi —

(a) setiap jenis perniagaan;

(b) setiap tempat perniagaan berkaitan dengan sebarang perniagaan yang mempunyai lebih dari sebuah tempat perniagaan.

#### Majlis boleh menghendaki pemeriksaan dan analisa.

5. Setelah menerima permohonan yang dibuat menurut ceraian (1) bab 4, Majlis boleh menghendaki Jawatankuasa supaya tempat perniagaan itu diperiksa dan makanan di dalamnya dianalisa.

**Pengeluaran sijil.**

6. (1) Majlis boleh, setelah menimbangkan dengan sewajarnya laporan Jawatankuasa yang disebut dalam bab 24 dan setelah berpuas hati bahawa pemohon telah mematuhi sebarang kehendak yang disebut dalam ceraian (1) bab 4 dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Keempat dibayar, mengeluarkan suatu Sijil Halal dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada pemohon tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Sijil itu, melainkan jika digantung atau dibatalkan lebih awal, hendaklah sah selama satu tahun mulai dari tarikh sijil itu dikeluarkan.

(3) Sekiranya sebarang syarat yang disebut dalam ceraian (1) dilanggar, Majlis boleh menggantung atau membatalkan sijil itu dan memerintahkan pemegang sijil untuk membuka sijil itu dari dipamerkan.

(4) Mana-mana orang yang menggunakan, menyebabkan untuk digunakan atau memudahkan penggunaan ungkapan-ungkapan "Halal", "Ditanggung Halal" atau "Makanan Islam" atau sebarang ungkapan lain yang menunjukkan atau mungkin difahami sebagai menunjukkan bahawa orang Islam adalah dibenarkan menurut agama mereka untuk memakan makanan itu, selain dari Sijil Halal yang disebut dalam ceraian (1), adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Pembaharuan sijil.**

7. (1) Pemegang sijil hendaklah memohon untuk memperbaharui sijilnya tidak kurang dari 30 hari sebelum tamat tempohnya.

(2) Sijil itu boleh diperbaharui bagi tempoh lanjut tidak melebihi dari satu tahun berkaitan dengan setiap pembaharuan.

(3) Bab-bab 4, 5 dan 6 hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada pembaharuan suatu sijil.

**Mempamerkan sijil.**

8. Pemegang sijil hendaklah menyebabkan supaya sijil itu dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat di tempat perniagaan.

**BAHAGIAN III**

**LABEL HALAL**

**Label Halal.**

9. (1) Apabila digunakan berkenaan dengan makanan semasa menjalankan perdagangan atau perniagaan, Label Halal hendaklah bermakna bahawa makanan tersebut —

(a) bukan merupakan dan juga tidak terdiri daripada atau mengandungi mana-mana bahagian atau bahan dari binatang yang dilarang oleh *Hukum Syara'* untuk dimakan oleh orang Islam atau yang tidak disembelih menurut *Hukum Syara'*;

(b) tidak mengandungi apa-apa jua yang dianggap najis menurut *Hukum Syara'*;

(c) telah disediakan dengan menggunakan suatu alatan yang bebas dari apa-apa jua yang dianggap najis menurut *Hukum Syara'*;

(d) semasa menyediakan atau menyimpan, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan sebarang makanan yang gagal mematuhi perenggan (a), (b) atau (c) atau apa-apa jua yang dianggap najis menurut *Hukum Syara'*.

(2) Label tersebut hendaklah dalam bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan hendaklah dalam bentuk label, teg, jenama, tanda, bahan bergambar atau berperihalan lain, yang ditulis, dicetak, distensil, ditanda, dilukis, dicetak timbul, ditera atau dipahat di atas, atau dilampirkan pada, dimasukkan di dalam, yang tergolong dalam atau yang disertakan dengan, sebarang makanan itu.

**Permohonan dan kehendak-kehendak permit.**

10. (1) Bagi maksud-maksud bab 9, mana-mana orang boleh memohon kepada Majlis untuk mendapatkan suatu permit dalam borang dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

(2) Pemohon adalah dikehendaki untuk membuat satu permohonan bagi setiap jenis makanan.

**Majlis boleh menghendaki pemeriksaan dan analisa.**

11. Setelah menerima permohonan yang dibuat menurut ceraian (1) bab 10, Majlis boleh menghendaki Jawatankuasa supaya tempat perniagaan itu diperiksa dan makanan yang berkaitan dengannya permohonan itu dibuat dianalisa.

**Permit.**

12. (1) Majlis boleh, setelah menimbangkan dengan sewajarnya laporan Jawatankuasa yang disebut dalam bab 24 dan setelah berpuas hati bahawa pemohon telah mematuhi sebarang kehendak yang disebut dalam ceraian (1) bab 10 dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Keempat dibayar, mengeluarkan suatu permit dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga yang memberarkan pemohon untuk menggunakan label tersebut dalam bungkusan-bungkusan makanan yang berkenaan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Sekiranya sebarang syarat yang disebut dalam ceraian (1) dilanggar, Majlis boleh menggantung atau membatalkan permit itu dan memerintahkan pemegang permit itu untuk membuka atau memadam label yang digunakan pada bungkusan-bungkusan makanan itu atau melupuskan makanan itu, mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Majlis, dan menghentikan penggunaan seterusnya label itu.

(3) Mana-mana orang yang menggunakan, menyebabkan untuk digunakan atau memudahkan penggunaan —

*(a)* sesuatu label tanpa suatu permit yang memberarkan label itu digunakan; atau

*(b)* berkaitan dengan makanan yang disediakan di Negara Brunei Darussalam, sesuatu label dengan ungkapan-ungkapan "Halal", "Ditanggung Halal" atau "Makanan Islam" atau sebarang ungkapan lain yang menunjukkan atau mungkin difahami sebagai menunjukkan bahawa orang Islam adalah dibenarkan menurut agama mereka untuk memakan makanan itu, selain dari Label Halal yang disebut dalam ceraian (2) bab 9 dan yang berkaitan dengannya suatu permit telah dikeluarkan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

#### **BAHAGIAN IV**

#### **JAWATANKUASA PEMERIKSAAN DAN PEMERIKSA**

**Jawatankuasa Pemeriksaan.**

13. Bagi maksud-maksud Perintah ini, adalah dengan ini ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemeriksaan Sijil Halal dan Label Halal.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

### Ahli-ahli Jawatankuasa.

14. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut –

- (a) Pengarah Hal Ehwal Syariah, yang akan menjadi pengerusi;
- (b) Timbalan Mufti atau wakilnya;
- (c) Pegawai Daerah bagi setiap Daerah atau wakilnya;
- (d) Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan atau wakilnya;
- (e) pengerusi tiap-tiap Lembaga Bandaran atau wakilnya;
- (f) Pengarah Pertanian atau wakilnya;
- (g) Setiausaha Majlis atau wakilnya; dan
- (h) tidak lebih daripada 2 orang ahli lain yang akan dilantik oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, notis mengenai lantikan mereka hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Menteri hendaklah melantik salah seorang ahli Jawatankuasa untuk menjadi setiausaha.

### Mesyuarat Jawatankuasa.

15. (1) Semasa ketiadaan pengerusi dalam sebarang mesyuarat Jawatankuasa, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih daripada kalangan mereka sendiri seseorang yang akan menjadi pengerusi bagi mesyuarat itu.

(2) Pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi asal dan juga undi pemutus.

(3) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat di tempat dan pada masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pengerusi, dan pada suatu mesyuarat 6 orang ahli hendaklah membentuk korum.

(4) Tiada urusan boleh dijalankan pada suatu mesyuarat melainkan jika korum hadir.

(5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Jawatankuasa boleh menentukan prosedurnya sendiri.

(6) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya rekod prosidingnya yang betul disimpan.

(7) Semua perbuatan yang dilakukan oleh Jawatankuasa hendaklah, walaupun terdapat sebarang kekosongan dalam Jawatankuasa atau kemudian didapati bahawa terdapat kecacatan dalam lantikan mana-mana orang yang dikatakan menjadi ahlinya, sah seolah-olah kekosongan atau kecacatan tersebut tiada wujud.

**Jawatankuasa hendaklah memerintahkan pemeriksaan dan analisa.**

16. Setelah menerima sebarang kehendak yang disebut dalam bab 5 atau 11 atau dalam ceraian (3) bab 43, Jawatankuasa hendaklah memerintahkan supaya pemeriksa-pemeriksa menjalankan pemeriksaan di tempat-tempat perniagaan yang berkenaan dan mengambil contoh sebarang makanan yang terdapat di dalamnya untuk dianalisa.

**Jawatankuasa boleh menghendaki supaya maklumat diberikan.**

17. Jawatankuasa boleh, dengan notis bertulis, menghendaki pemegang sijil atau pemegang permit untuk memberikan kepadanya dalam masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu sebarang dokumen atau untuk memberikan sebarang maklumat bagi memastikan bahawa sebarang kehendak, atau sebarang syarat yang dikenakan di bawah, Perintah ini telah dipatuhi.

**Lantikan pemeriksa.**

18. Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah melantik beberapa orang sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu untuk menjadi pemeriksa-pemeriksa, salah seorang daripada mereka hendaklah menjadi Ketua Pemeriksa, bagi maksud-maksud Perintah ini.

**Kuasa-kuasa pemeriksa.**

19. Mana-mana pemeriksa boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki, memeriksa dan menyelidiki mana-mana tempat, peralatan, pengendalian, penyimpanan, bahan-bahan, rekod, makanan, dan tanpa bayaran mengambil contoh-contoh makanan untuk dianalisa atau sebarang maksud lain untuk memastikan sama ada, atau untuk memastikan bahawa, sebarang kehendak, atau sebarang syarat yang dikenakan di bawah, Perintah ini dipatuhi.

**Memasuki dll. bagi pemeriksaan.**

20. Pemegang sijil atau pemegang permit, mengikut mana yang berkenaan, dan mana-mana orang lain yang menjaga mana-mana tempat atau barang yang boleh diperiksa dan diselidiki di bawah Perintah ini hendaklah membenarkan

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

pemeriksa untuk memasukinya dan memberikan kepadanya segala bantuan dan kemudahan yang munasabah bagi maksud-maksud pemeriksaan.

### **Kad kuasa.**

21. (1) Tiap-tiap pemeriksa hendaklah diberikan kad kuasa sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri untuk dibawa olehnya.

(2) Mana-mana pemeriksa, apabila melaksanakan sebarang kewajipannya atau menjalankan sebarang kuasanya di bawah Perintah ini hendaklah, apabila diminta, menunjukkan kad kuasanya kepada mana-mana orang yang terhadapnya dia mengambil tindakan.

### **Kos dan perbelanjaan.**

22. (1) Semua kos dan perbelanjaan, termasuk perbelanjaan perjalanan, yang dilakukan ke atas atau bersampingan dengan suatu pemeriksaan dan analisa hendaklah ditanggung oleh pemegang sijil atau pemegang permit, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Jika sebarang jumlah wang yang kena dibayar oleh atau boleh didapatkan balik daripada pemegang sijil atau pemegang permit, mengikut mana yang berkenaan, berkaitan dengan kos dan perbelanjaan tersebut tidak dibayar olehnya kepada Majlis dalam masa 14 hari selepas dituntut, jumlah wang tersebut boleh didapatkan balik oleh Kerajaan mengikut cara yang sama seolah-olah jumlah wang tersebut adalah suatu denda yang dikenakan oleh mahkamah.

(3) Suatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi dari sebarang keputusan mahkamah di bawah bab ini dan peruntukan-peruntukan Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) hendaklah dikenakan *mutatis mutandis* kepada semua rayuan tersebut.

### **Laporan pemeriksa.**

23. (1) Ketua Pemeriksa hendaklah membuat suatu laporan berkaitan dengan setiap pemeriksaan dan mengemukakannya, bersama (jika berkenaan) dengan sijil mengenai hasil suatu analisa oleh penganalisa makanan dalam borang yang disebut dalam ceraian (1) bab 8 dari Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggal 182), kepada Jawatankuasa tidak lewat dari 14 hari selepas tarikh pemeriksaan.

(2) Laporan itu hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Jawatankuasa dan hendaklah menyatakan hal keadaan pemeriksaan tersebut bersama dengan sebarang pemerhatian dan sokongan yang difikirkan patut oleh Ketua Pemeriksa.

(3) Dalam ceraian (1), "penganalisa makanan" bermakna seseorang yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 3 dari Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggal 182).

**Laporan Jawatankuasa.**

24. Jawatankuasa hendaklah membuat suatu laporan kepada Majlis dengan seberapa segera yang boleh selepas mengkaji laporan yang disebut dalam ceraian (1) bab 23.

**BAHAGIAN V**

**PENGUATKUASAAN**

**Pegawai penguatkuasaan.**

25. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, berikut adalah pegawai-pegawai penguatkuasaan —

- (a) mana-mana pemeriksa;
- (b) mana-mana pegawai makanan;
- (c) mana-mana merinyu Lembaga Bandaran;
- (d) mana-mana pegawai kastam;
- (e) mana-mana pegawai polis;
- (f) mana-mana Pegawai Penguatkuasa Agama; dan
- (g) mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Menteri, atas nama atau atas jawatan, notis mengenai pemberian kuasanya hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Dalam ceraian (1) —

"pegawai makanan" bermakna seseorang yang dilantik di bawah ceraian (2) bab 3 dari Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggal 182);

"pemeriksa" bermakna mana-mana orang yang dilantik di bawah bab 18 dan termasuk Ketua Pemeriksa;

"merinyu Lembaga Bandaran" bermakna mana-mana pegawai Lembaga Bandaran yang diberi kuasa oleh Pengurus Lembaga itu untuk menjalankan pemeriksaan bagi maksud-maksud Perintah ini;

"pegawai kastam" mempunyai makna yang sama seperti dalam ceraian (1) bab 2 dari Akta Kastam (Penggal 36);

"Pegawai Penguatkuasa Agama" bermakna seseorang pegawai yang dilantik di bawah bab 26 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184).

Kuasa untuk memasuki, merampas dll.

26. (1) Apabila pada pendapat mana-mana pegawai penguatkuasaan bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan terhadap Perintah ini telah dilakukan atau sedang dilakukan, dia boleh di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang munasabah —

(a) membuka dengan kekerasan apa-apa halangan untuk memasuki, menggeledah dan merampas;

(b) memasuki tempat itu dan menggeledah dan merampas apa-apa jua yang berkaitan dengannya atau yang dengannya kesalahan itu telah atau sedang dilakukan;

(c) menahan dan memeriksa mana-mana orang dan merampas sebarang keterangan yang berkaitan dengannya atau yang dengannya kesalahan itu telah atau sedang dilakukan;

(d) menahan, menaiki dan menggeledah mana-mana kenderaan yang di dalamnya dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai sebarang makanan sedang dibawa dan memeriksa makanan tersebut dan mengambil contohnya;

(e) membuka dan memeriksa apa-apa bungkus yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai mengandungi sebarang makanan;

(f) tanpa bayaran, meminta, memilih dan mengambil contoh sebarang makanan untuk dianalisa;

(g) memeriksa dan merampas sebarang buku, dokumen atau rekod lain yang dijumpai di tempat-tempat tersebut yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai mengandungi sebarang maklumat yang ada kaitannya dengan penguatkuasaan Perintah ini atau yang mungkin dikehendaki berkaitan dengan sebarang prosiding di bawah Perintah ini, dan membuat atau menyebabkan supaya salinan-salinannya dibuat atau mengambil cabutan darinya;

(h) meminta supaya sebarang buku, dokumen atau rekod lain yang dianggapnya berkaitan dikemukakan;

(i) membuat pemeriksaan dan siasatan sebagaimana yang mungkin perlu untuk memastikan sama ada, atau untuk memastikan bahawa, sebarang kehendak, atau sebarang syarat yang dikenakan di bawah, Perintah ini dipatuhi.

(2) Apabila apa-apa barang dirampas olehnya di bawah Perintah ini, pegawai penguatkuasaan hendaklah dengan serta-merta memberi notis secara bertulis mengenai rampasan tersebut dan alasannya kepada pemilik barang itu atau ejennya, jika diketahui:

Dengan syarat bahawa notis tersebut tidaklah dikehendaki untuk diberikan jika rampasan tersebut dibuat ke atas orang itu atau di hadapan pemilik atau ejennya.

(3) Apa-apa jua yang dirampas hendaklah dibawa dengan serta-merta oleh pegawai penguatkuasaan ke balai polis yang berdekatan.

(4) Tiada perempuan boleh diperiksa di bawah perenggan (c) ceraian (1) kecuali oleh seorang perempuan.

**Kuasa untuk menangkap dan menyiasat.**

27. (1) Seseorang pegawai penguatkuasaan boleh menangkap tanpa waran —

(a) mana-mana orang yang telah melakukan, cuba melakukan atau yang disyakinya dengan munasabah telah melakukan, suatu kesalahan terhadap Perintah ini;

(b) mana-mana orang yang menggaji atau membantu mana-mana orang untuk melakukan, atau bersubahat untuk melakukan, suatu kesalahan terhadap Perintah ini.

(2) Berkenaan dengan suatu kesalahan yang disebut dalam ceraian (1), seseorang pegawai penguatkuasaan hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat sama seperti seseorang pegawai polis di bawah Penggal XIII Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

**Pemeriksaan.**

28. (1) Seseorang pegawai penguatkuasaan yang membuat pemeriksaan di bawah perenggan (i) ceraian (1) bab 26 hendaklah menulis sebarang pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

(2) Orang itu hendaklah terikat untuk menjawab semua soalan yang diajukan kepadanya oleh pegawai tersebut tetapi boleh enggan menjawab sebarang soalan atas alasan bahawa jawapan bagi soalan itu akan menunjukkan-nya bersalah, atau secara langsung atau tidak langsung cenderung menunjukkan-

nya bersalah, atau bahawa ia akan mendedahkannya, atau secara langsung atau tidak langsung cenderung mendedahkannya, kepada suatu hukuman atau sebarang jenis perlucutan hak.

(3) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah bab ini hendaklah dibacakan kepadanya dan setelah pegawai penguatkuasaan membuat sebarang pembetulan yang perlu, hendaklah ditandatangani oleh orang itu.

**Apa-apa jua yang dirampas boleh dilucutthak.**

29. Semua barang yang dirampas di bawah Perintah ini boleh dilucutthak.

**Perintah perlucutan hak.**

30. (1) Suatu Perintah bagi perlucutan hak atau perlepasan apa-apa jua yang boleh dilucutthak di bawah Perintah ini boleh dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berhubung dengannya telah diambil.

(2) Suatu perintah bagi perlucutan hak boleh dibuat jika terbukti sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan terhadap Perintah ini telah dilakukan dan bahawa barang tersebut adalah menjadi hal-perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut, walau pun tiada sesiapa pun mungkin telah disabitkan atas kesalahan tersebut.

**Mahkamah boleh memerintahkan pelupusan makanan yang dirampas.**

31. (1) Jika mana-mana orang telah disabitkan atas sebarang kesalahan terhadap Perintah ini, mahkamah boleh memerintahkan supaya sebarang makanan yang dirampas, sama ada dilucutthak atau tidak, dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan olehnya.

(2) Jika makanan tersebut telah diimport, mahkamah boleh memerintahkan supaya orang itu mengembalikannya, atas perbelanjaannya sendiri, ke negara dari mana makanan tersebut dieksport.

**Apa-apa jua yang dirampas yang berkaitan dengannya tiada pendakwaan dimulakan hendaklah dilucutthak jika tidak dituntut dalam masa satu bulan.**

32. (1) Jika tiada pendakwaan dimulakan berkaitan dengan apa-apa barang yang dirampas di bawah Perintah ini barang tersebut hendaklah dilucutthak menjadi milik Kerajaan pada tamatnya tempoh satu bulan dari tarikh rampasan melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya dibuat sebelum tempoh tersebut mengikut cara yang diperihalkan dalam ceraian (2).

(2) Mana-mana orang yang menyatakan bahawa dia adalah pemilik mana-mana barang tersebut dan bahawa barang tersebut tidak boleh dilucutahak boleh, sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberi notis bertulis kepada Majlis bahawa dia menuntutnya.

(3) Setelah menerima notis tersebut, Majlis boleh mengarahkan supaya barang tersebut dilepaskan atau boleh merujukkan perkara itu kepada mahkamah untuk diputuskan olehnya.

(4) Atas suatu rujukan yang dibuat kepadanya di bawah ceraian (3), mahkamah hendak mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menyatakan bahawa dia adalah pemilik barang tersebut dan orang yang daripadanya barang tersebut dirampas untuk hadir di hadapannya dan hendaklah terus memeriksa perkara tersebut.

(5) Apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan terhadap Perintah ini telah dilakukan dan bahawa barang tersebut adalah menjadi hal-perkara atau telah digunakan dalam melakukan sebarang kesalahan itu, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya barang tersebut dilucutahak menjadi milik Kerajaan dan boleh sekiranya tidak ada bukti memerintahkan supaya barang tersebut dilepaskan.

#### **Batasan liabiliti.**

33. Tiada tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pegawai penguatkuasaan berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan olehnya dengan suci hati dan pada menjalankan, melaksanakan atau dikatakan pada menjalankan atau melaksanakan, sebarang kuasa atau kewajipan di bawah Perintah ini.

## **BAHAGIAN VI**

### **KESALAHAN-KESALAHAN**

#### **Pengasingan makanan.**

34. (1) Majlis boleh, dengan notis bertulis, menghendaki pemegang sijil atau pemegang permit untuk mengasingkan bungkusan-bungkusan yang mengandungi makanan yang mempunyai label dari sebarang bungkusan lain, dalam tempoh dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi tanpa sebarang sebab yang munasabah sebarang kehendak tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

kedua-duanya sekali dan, dalam hal kesalahan yang berikutnya, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Mempamerkan sijil yang telah tamat tempohnya.**

35. Mana-mana pemegang sijil yang mempamerkan suatu sijil yang telah tamat tempohnya di tempat perniagaannya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Menghalang dll. pegawai penguatkuasaan.**

36. Mana-mana orang yang —

*(a)* enggan membenarkan mana-mana pegawai penguatkuasaan untuk memasuki mana-mana tempat;

*(b)* menyerang, menghalang, mengadang atau menentang mana-mana pegawai penguatkuasaan pada menjalankan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini; atau

*(c)* gagal mematuhi sebarang kehendak yang sah daripada seseorang pegawai penguatkuasaan di bawah Perintah ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Kegagalan mematuhi perintah dll.**

37. Mana-mana orang yang gagal mematuhi atau melanggar, sebarang perintah yang dibuat oleh Majlis di bawah, atau sebarang kehendak, atau sebarang syarat yang dikenakan di bawah, Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Pemberian maklumat.**

38. Mana-mana orang yang, apabila dikehendaki menurut Perintah ini, gagal memberi sebarang maklumat atau mengemukakan sebarang dokumen atau apa-apa barang lain dalam milikannya atau yang memberi sebarang maklumat yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu, memperdaya atau mengelirukan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh

jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal kesalahan yang berikutnya, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Sijil dan permit tidak boleh diubah.**

39. Mana-mana orang yang membuat sesuatu tanda atau catatan dalam, atau memadam atau mengubah sebarang catatan dalam, sebarang sijil atau permit adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Hukuman am.**

40. Mana-mana orang yang melakukan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini hendaklah, jika tiada hukuman lain diperuntukkan, jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Kesalahan yang dilakukan oleh perkongsian, badan korporat dan ejen dan pekerja.**

41. (1) Jika suatu perkongsian melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini, tiap-tiap rakankongsi, selain daripada rakankongsi yang terbukti tidak tahu atau telah cuba menghalang berlakunya kesalahan itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(2) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini yang telah dilakukan oleh suatu badan korporat terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan sebarang pengabaian di pihak pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang sama badan korporat itu, atau seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, maka dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(3) Berkenaan dengan suatu badan korporat yang urusannya diurus oleh ahli-ahlinya, "pengarah", dalam ceraian (2), bermakna mana-mana ahli badan korporat itu.

BAHAGIAN VII

AM

**Kuasa Majlis untuk membatalkan.**

42. Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan lain dalam Perintah ini, Majlis boleh membatalkan suatu sijil atau permit jika Majlis berpuas hati bahawa pemegang sijil atau pemegang permit, mengikut mana yang berkenaan, melanggar atau telah melanggar sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

**Perubahan menghendaki kebenaran.**

43. (1) Tiada perubahan boleh dibuat tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Majlis terhadap pemilikan sesuatu perniagaan atau perkara-perkara lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam syarat-syarat yang tertakluk kepadanya sijil atau permit itu dikeluarkan.

(2) Pemegang sijil atau pemegang permit, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah memohon kebenaran dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

(3) Setelah permohonan tersebut diterima, Majlis boleh menghendaki Jawatankuasa supaya tempat perniagaan itu diperiksa dan sebarang makanan dianalisa, dan untuk membuat suatu laporan mengenainya.

(4) Majlis boleh, setelah memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap laporan Jawatankuasa itu, membenarkan perubahan yang dicadangkan itu dan memberitahu pemohon mengenainya.

(5) Jika permohonan itu adalah berkenaan dengan perubahan ramuan makanan yang berkaitan dengannya suatu permit telah dikeluarkan, setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Keempat dibayar, Majlis hendaklah mengeluarkan suatu permit dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga yang memberi kuasa kepada pemohon untuk menggunakan label tersebut pada bungkus makanan itu tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis.

**Perubahan nama perniagaan dll.**

44. Apabila sebarang perubahan dibuat atau berlaku pada nama sebarang perniagaan atau mana-mana alamat bagi mana-mana tempat perniagaan, pemegang sijil atau pemegang permit, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dalam masa 30 hari dari perubahan tersebut memberi, dengan menghantar

melalui pos atau menyerahkan kepada Majlis, suatu pernyataan secara bertulis yang menyatakan jenis dan tarikh perubahan tersebut.

**Perubahan butir-butir sijil.**

45. Jika sebarang perubahan yang disebut dalam ceraian (1) bab 43 atau dalam bab 44 menyentuh sebarang butir yang telah dicetak dalam suatu sijil, sijil tersebut hendaklah disertakan dengan permohonan yang disebut dalam ceraian (2) bab 43 atau pernyataan yang disebut dalam bab 44, mengikut mana yang berkenaan, untuk diserahkan kepada Majlis bagi pembatalan dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Keempat dibayar, Majlis hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, mengeluarkan suatu sijil baru.

**Penggantian sijil yang telah hilang atau cacat.**

46. (1) Jika terbukti sehingga memuaskan hati Majlis bahawa suatu sijil telah hilang, musnah atau rosak atau cacat sehingga tidak dapat dibaca, Majlis boleh, setelah menerima suatu permohonan dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Keempat dibayar, mengeluarkan suatu sijil gantian kepada pemohon, dan sijil gantian yang dikeluarkan itu hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti sijil asal.

(2) Jika pada bila-bila masa setelah suatu sijil gantian dikeluarkan sijil asal itu dijumpai, orang yang diberikan sijil asal itu hendaklah mengembalikan sijil asal itu kepada Majlis dengan serta-merta.

**Rayuan terhadap penggantungan atau pembatalan.**

47. Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keputusan Majlis untuk menggantung atau membatalkan suatu sijil atau permit boleh merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

**Kumpulanwang Wakaf Am.**

48. Setiap bayaran yang diterima di bawah Perintah ini berkenaan dengan pengeluaran atau pembaharuan suatu sijil atau suatu permit hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian dari Kumpulanwang Wakaf Am yang ditubuhkan di bawah bab 98 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77).

**Penyampaian notis dan dokumen lain.**

49. (1) Sebarang notis, perintah atau dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini untuk disampaikan kepada mana-mana orang dan sebarang

saman yang dikeluarkan oleh sebuah mahkamah terhadap mana-mana orang berhubung dengan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini boleh disampaikan kepada orang itu —

- (a) dengan menyerahkannya sendiri kepada orang itu atau ahli dewasa atau pekerja keluarga atau rumah tangganya, di tempat tinggalnya yang biasa atau terakhir diketahui;
- (b) dengan meninggalkannya kepada orang itu, di tempat tinggal atau perniagaannya yang biasa atau terakhir diketahui;
- (c) dengan menghantarnya melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada orang itu, di tempat tinggal atau perniagaannya yang biasa atau terakhir diketahui;
- (d) dalam hal suatu badan korporat atau kumpulan orang —
  - (i) dengan menyerahkannya kepada setiausaha atau pegawai lain yang sama di pejabat berdaftarnya atau tempat perniagaannya yang utama; atau
  - (ii) dengan menghantarnya melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepadanya di pejabat berdaftarnya atau tempat perniagaannya yang utama.

(2) Suatu notis atau dokumen yang dihantar melalui pos berdaftar di bawah perenggan (d) ceraian (1) hendaklah dianggap telah disampaikan pada masa notis atau dokumen itu akan diserahkan dalam perjalanan biasa pos; dan adalah menjadi bukti penyampaian yang mencukupi bahawa notis atau dokumen itu dialamatkan dengan betul menurut perenggan itu dan dimasukkan di dalam pos tetapi jika notis atau dokumen itu dikembalikan melalui pos tanpa diserahkan, notis atau dokumen itu tidaklah boleh dianggap sebagai telah disampaikan.

#### Pindaan Jadual.

50. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, meminda Jadual-Jadual kepada Perintah ini dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

#### Peraturan-peraturan.

51. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang diperlukan atau mustahak untuk menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan sebarang

perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan sampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

JADUAL PERTAMA

(bab 6(1))

SIJIL HALAL

MAJLIS UGAMA ISLAM  
RELIGIOUS COUNCIL  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIJIL HALAL  
HALAL CERTIFICATE



Sijil Halal yang dikeluarkan di bawah bab 6(1) dari Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005

*Halal Certificate issued under section 6(1) of Halal Certificate and Halal Label Order, 2005*

Nama perniagaan <i>Name of business</i>	
Keterangan mengenai tempat perniagaan <i>Details of place of business</i>	
Alamat tempat berniaga <i>Address of place of business</i>	
Sijil Pendaftaran Perniagaan <i>Certificate of Business Registration</i>	Lesen Perniagaan <i>Business licence</i>

Dikeluarkan pada : .....

*Issued on*

Sah sehingga : .....

*Valid until*

Tarikh : ..... (H)  
Date ..... (M)

Tandatangan dan meterai  
*Signature and seal*  
Setiausaha Majlis Ugama Islam  
*Secretary of Religious Council*  
Negara Brunei Darussalam

JADUAL KEDUA

(bab 9(2))

LABEL HALAL



**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**JADUAL KETIGA**

(bab-bab 12(1)  
dan 43(5))

**PERMIT**

**PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL, 2005**

**PERMIT DI BAWAH BAB-BAB 12(1)/43(5)**

Orang yang namanya tersebut di atas adalah dibenarkan untuk menggunakan Label Halal pada bungkusan-bungkusan ..... (nama makanan).

Tarikh : .....  
.....  
Setiausaha Majlis

---

**JADUAL KEEMPAT**

(bab-bab 6(1), 12(1),  
43(5), 45, 46(1))

**BAYARAN**

Pengeluaran, pembaharuan atau penggantian Sijil Halal	\$30
Pengeluaran permit	\$50

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 21 haribulan Mei, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**